



KEMENTERIAN KERJA RAYA  
MALAYSIA

# KENYATAAN MEDIA

## PROJEK JAMBATAN SUNGAI RIMBAS, PUSA, BAHAGIAN BETONG, SARAWAK

**Betong, Sarawak** - Pembinaan Jambatan Sungai Rimbas, Pusa, Bahagian Betong, Sarawak adalah satu inisiatif kerajaan ke arah meningkatkan lagi infra rakyat sekaligus untuk memendekkan masa perjalanan dari Kampung Pusa, Kampung Serabang dan Kampung Tuie dengan Pekan Pusa Baru, seterusnya bandar-bandar lain di Sarawak melalui jalan pesisir pantai.

Kerajaan Persekutuan telah meluluskan peruntukan sebanyak RM48 juta untuk projek ini yang telah dimulakan pembinaan pada bulan Jun 2013 dan dirasmikan pada hari yang bersejarah ini oleh YAB Ketua Menteri Sarawak, Datuk Patinggi (Dr) Abang Abdul Rahman Zohari Bin Tun Datuk Abang Haji Openg. Dengan siapnya jambatan sepanjang 327 meter ini, ianya akan memudahkan penduduk di kawasan Pusa menjalankan aktiviti harian.

Pembinaan jambatan ini dapat memendekkan perjalanan dari Pusa Lama ke Betong (selatan) sejauh 10km iaitu penjimatan masa sebanyak 10 minit. Manakala jika perjalanan dari Pusa Lama ke Sarikei (utara), dapat memendekkan perjalanan sejauh 30km dengan penjimatan masa perjalanan kira-kira 30 minit.

Bagi memastikan keselamatan pengguna jambatan ini, Kementerian Kerja Raya bersama Jabatan Kerja Raya Sarawak juga telah menyempurnakan *Road Safety Audit* (RSA) untuk memastikan kesemua aspek keselamatan telah disemak dan dipatuhi.

Jambatan Sungai Rimbas, memberi manfaat kepada kira-kira 60,728 orang penduduk setempat yang kini lebih mudah untuk bergerak merentasi sungai melalui jambatan berkenaan. Ini sekaligus akan merancakkan lagi aktiviti sosio-ekonomi yang pastinya memberi faedah kepada rakyat secara khususnya dan kerajaan secara amnya.

**KEMENTERIAN KERJA RAYA**  
**11 DISEMBER 2017**

Dikeluarkan oleh:

**Unit Komunikasi Korporat | Kementerian Kerja Raya Malaysia**

☎ : 03- 8000 8000 / D.L :03-2771 4616 / 4627 | 📠 : 03-2711 1101

Laman Web : [www.kkr.gov.my](http://www.kkr.gov.my) |  [Kementerian Kerja Raya](https://www.facebook.com/KementerianKerjaRaya) |  [@MOWorks](https://twitter.com/MOWorks) |  [Pro@kk.gov.my](mailto:Pro@kk.gov.my)